

# Pegawai dan kakitangan SKTM kunjungi UMS-KAL

UB 19/06/2011 B13

**S**ERAMAI 40 pegawai dan kakitangan Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SKTM), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan lawatan sambil belajar ke UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) kelmarin.

Rombongan SKTM yang diketuai oleh Penolong Pendaftar Kanan, Hasmi Hashim, telah dibawa melawat ke Pejabat Pengarah di Tingkat 13, Bahagian Pentadbiran, Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Bahagian Perkhidmatan Akademik dan Bahagian Kewangan serta makmal.

Taklimat mengenai UMS Labuan telah disampaikan oleh Timbalan Pendaftar, Kamisah Husin manakala

taklimat mengenai amalan 5S disampaikan oleh Penolong Pendaftar Kanan Pentadbiran, Musnin Matersah, serta Penolong Akauntan Kanan, Ruby Zawati Timbang menyampaikan taklimat mengenai aset.

Kamisah berharap lawatan berkenaan dapat menambah ilmu pengetahuan dan pengalaman kepada ahli rombongan SKTM mengenai pentadbiran UMS-KAL yang mula beroperasi pada Januari 1999.

Rombongan SKTM turut mengadakan perlawanan sukan persahabatan termasuk futsal dan badminton dengan kakitangan UMS-KAL untuk mengeratkan lagi persahabatan yang sedia terjalin selama ini.

Turut hadir Timbalan Dekan SPKAL, Dr Lim Kian Ping.



**KENANGAN...**Kamisah (enam kanan), Hasmi (lima kiri), Dr Lim Kian Ping (lima kanan) dan Musnin (empat kanan) bersama ahli rombongan SKTM yang melawat UMS-KAL kelmarin.